



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang masih di benarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
1.	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SEJATI 9, 9A, 11, 16 DAN LORONG BELAKANG JALAN SEJATI 1, TAMAN SEJATI, IJOK, DAERAH KUALA SELANGOR No.Sebutharga : SH 143/2018	Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE 01 & CE 21	Mulai 22.10.2018 Hingga 30.10.2018	RM 50.00	31.10.2018 (jam 12 t/hari)
2.	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN RIA MIN 1, 2, 4, 5 DAN 6, TAMAN RIA MIN SERTA KERJA MEMBAIKI DAN SELENGGARA SALIRAN DI JALAN 2, 4 DAN 6, TAMAN RIA MIN, TANJONG KARANG, DAERAH KUALA SELANGOR No.Sebutharga : SH 144/2018	Gred G2 Kategori CE Pengkhususan CE 01 & CE 21	Mulai 22.10.2018 Hingga 30.10.2018	RM 70.00	31.10.2018 (jam 12 t/hari)
3.	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MASUK DAN KELUAR DI JALAN 1, TAMAN DESA JAYA, JALAN 1, TAMAN RADIN JAYA, JALAN 1, TAMAN SERI SETIA, JALAN 1, TAMAN SERI DESA, JALAN 1, TAMAN TANJONG KARANG, JALAN 1, TAMAN WAWASAN, JALAN 1, TAMAN TANJONG KARANG LAMA DAN JALAN 1, TAMAN KOPEMA, TANJONG KARANG, DAERAH KUALA SELANGOR No.Sebutharga : SH 145/2018	Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE 01 & CE 21	Mulai 22.10.2018 Hingga 30.10.2018	RM 50.00	31.10.2018 (jam 12 t/hari)

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga **boleh dibeli secara online melalui laman web <https://tender.selangor.my>** bermula 22 Oktober 2018 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap semasa penghantaran dokumen.

- * *Penyata Bank (tiga bulan) yang terkini dan telah disahkan hendaklah disertakan bagi tawaran kerja Gred Pendaftaran G2 sehingga G7*
- * *Kontraktor/Pemborong disyorkan membuat lawatan tapak sendiri bagi kerja-kerja diatas.*

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor sebelum atau pada 31 Oktober 2018, jam 12.00 tengahari**. Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

.....
(**Rahilah binti Rahmat A.M.S.**)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor

QS/farah/iklan sh/181018

Tarikh : Oktober 2018